

07 NOV 2003

ABDULLAH Pengerusikan Mesyuarat Dewan Tertinggi BN

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pagi ini mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN), genap seminggu beliau dilantik sebagai Perdana Menteri.

Mesyuarat yang diadakan di Tingkat 39, Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra itu dihadiri kesemua pemimpin atau wakil 14 komponen BN kecuali Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) yang terpaksa menunggu keputusan Pendaftar Pertubuhan (ROS) mengenai status kepimpinan parti itu.

Setiausaha agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat berkata antara agenda mesyuarat ialah persiapan menghadapi pilihan raya umum selain isu semasa serta perkara-perkara berkaitan.

Mesyuarat juga dijangka memperakukan Abdullah sebagai Pengerusi BN, mengambil alih daripada Tun Dr Mahathir Mohamad yang berundur sebagai Perdana Menteri Jumaat lepas.

Abdullah dijangka mengadakan persidangan media pada pukul 12.30 tengah hari untuk mengumumkan hasil mesyuarat Dewan Tertinggi BN itu.

Semalam, Abdullah mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di tempat yang sama.

-- BERNAMA

AT AZZ RON